

ATURCARA PROGRAM

21 JUN 2020 (AHAD)

- | | | |
|--------------|---|--|
| 11.00 pagi | - | Ketibaan Tetamu Jemputan |
| 11.15 pagi | - | Ketibaan YB Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi |
| 11.30 pagi | - | Taklimat oleh Encik Roslan Osman Syarikat Oud Agarwood Sdn Bhd |
| 12.00 tghri | - | Penyampaian Cenderahati kepada YB Menteri |
| 12.15 tghri | - | Lawatan YB Menteri bagi melihat aktiviti pemprosesan pati minyak gaharu |
| 01.00 petang | - | Majlis Bersurai |

Pokok Karas adalah daripada famili Thymelaeaceae daripada genus *Aquilaria*. Di Malaysia, terdapat 5 spesies daripada 22 spesies yang terdapat di dunia. Lima (5) spesis pokok Karas tersebut adalah *Aquilaria malaccensis*, *Aquilaria microcarpa*, *Aquilaria hirta*, *Aquilaria rostrata* dan *Aquilaria beccariana*. Ciri-ciri utama pokok karas dapat dilihat daripada daunnya yang berkilat dan sukar dikoyakkan. Namun, pokok karas mampu menghasilkan kayu beraroma dan berbau wangi yang dikenali sebagai gaharu.

Gaharu adalah sejenis damar yang terbentuk secara semula jadi akibat daripada tindak balas Pokok Karas ke atas serangan fungus/bakteria (penyakit). Pokok Karas yang diserang atau stress akan bertindakbalas dengan mengeluarkan sejenis minyak berbau bagi melindungi bahagian yang cedera (sama ada akar, batang, dahan dan sebagainya). Di mana, minyak ini lama kelamaan akan menjadi keras serta berbentuk damar. Bahan damar yang terhasil ini pula mengandungi bahan sari atau resapan damar yang wangi dan dikenali sebagai gaharu.